

Noor Mohamad
Shakil Hameed



Kanvas Belia Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini perlu dilihat sebagai simbol aspirasi belia dalam membina dan memeta hala tuju masa depan negara. Kanvas Belia TN50 adalah hasil dapatan yang dikumpul sepanjang setahun lalu oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan mendampingi hampir dua juta rakyat melalui pelbagai saluran. Apa yang pasti ia bukan impian individu sebaliknya menterjemahkan hasrat dan harapan seluruh rakyat Malaysia melalui konsep dari bawah ke atas iaitu segala idea dan cadangan di sumbangkan rakyat kepada kerajaan bagi mencapai impian menuju negara maju berdasarkan acuan sendiri.

Menariknya sepanjang setahun lalu lebih 60,000 aspirasi berlainan berjaya direkodkan dan antara aspek yang menjadi penelitian pekerjaan dan penciptaan nilai, kehidupan dan kesejahteraan hidup, tadbir urus, masyarakat serta gaya hidup. Manakala antara sasaran menjelang 2050 yang dicadangkan belia sendiri ialah, mencapai kedudukan 20 teratas dalam indeks daya saing global, kedudukan 20 teratas dalam indeks kebahagiaan tenaga kerja global, universiti tempatan tergolong antara 20 universiti terbaik dunia, sekurang-kurangnya 90 peratus rakyat berbangga menjadi rakyat Malaysia, 100 peratus penduduk bersedia dari segi kewangan atau terima perlindungan kerajaan untuk usia tua, rakyat menguasai tiga bahasa dengan bahasa Melayu sebagai medium perpaduan dan mencapai kedudukan antara 20 negara teratas bagi bilangan pingat emas Sukan Olimpik selaras dengan tahap KDNK dan jumlah penduduk. Secara ringkasnya Kanvas Belia TN50 dirangkumkan dalam enam tema aspirasi TN50 iaitu global, kesaksamaan, mapan, bersatu padu, bertanggungjawab dan prihatin.

Secara prinsipnya kita sudah ada peta hala tuju yang jelas untuk tempoh sekurang-kurangnya 30 tahun akan datang. Generasi muda yang bakal mengambil alih tampuk pemerintahan negara pada waktu itu sudah menyuarakan hasrat hati mereka secara jujur dan berani. Inilah Malaysia yang mereka impikan menjelang tahun keramat 2050 apabila dilihat mampu mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang hebat, bersatu padu dan berjaya di peringkat antarabangsa.

Apabila kita meneliti setiap aspirasi, idea dan sasaran yang dikemukakan semuanya kelihatan cukup indah dan sangat ideal, malah realistik dan tidak mustahil untuk dicapai dengan syarat

TN50 memeta hala tuju negara

semua pihak memahami serta melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Harus diingat negara ini pernah dijajah lebih 400 tahun oleh penjajah secara silih berganti dan pada ketika itu negara ini cukup mundur dan rakyat sangat daif serta menderita. Namun sejak mencapai kemerdekaan pada 1957 kita tidak pernah menoleh ke belakang. Langkah demi langkah disusun dengan penuh rapi, kemas dan berhati-hati oleh pemimpin era kemerdekaan dan pasca kemerdekaan bagi memastikan negara dan rakyat yang bebas merdeka ini terus bangkit gah berdiri di persada antarabangsa.

Pelbagai dasar dan polisi sudah diperkenal dan dilaksanakan dengan jayanya sejak 1957 sehingga kini yang sekali gus mengubah keseluruhan landskap pembangunan negara dan juga kehidupan rakyat. Daripada negara mundur yang berdasarkan pertanian, pada hari ini kita meneroka pelbagai bidang baru sehingga menjadi antara negara membangun yang berjaya dan terkehadapan. Jadi penulis yakin tidak mustahil untuk sekali lagi kita mencipta sejarah baru dengan merealisasikan misi TN50 yang bakal melakar satu lagi sejarah baru negara di pentas

dunia. Namun harus diingat cabaran hari mendatang cukup kompleks dan berliku. Justeru dalam keghairahan kita menuju impian TN50 ini jangan sesekali lupa untuk sentiasa berhati-hati dengan pelbagai usaha kuasa besar dunia yang mahu menawan dan menjajah melalui pendekatan baru seperti menggunakan teknologi dan penjajahan minda, ideologi dan pemikiran. Generasi muda terutama perlu memberi perhatian serius mengenai perkara ini kerana golongan ini dilihat menjadi sasaran utama pihak luar yang mahu meracuni pemikiran mereka dengan pelbagai ideologi songsang, liberal, bebas dan berdasarkan logik akal semata-mata. Kita khawatir anak muda yang tidak teguh pendirian akan mudah terpengaruh dan menjadi mangsa keadaan.

Untuk itu pengukuhan elemen jati diri dan identiti nasional dalam kalangan belia khususnya dan rakyat secara keseluruhannya penting dalam memastikan kita mencapai misi TN50. Ingat kecerdikan akal pemikiran atau pencapaian akademik yang tinggi belum tentu melahirkan individu bertanggungjawab, kukuh jati diri, berpegang teguh kepada nilai agama, menjunjung kontrak sosial

dan taat kepada negara. Sudah terlalu banyak kisah benar dapat kita saksikan selama ini di mana orangnya hebat dari segi akademik tetapi gagal menjadi warganegara yang baik.

Jadi semua pihak perlu membantu untuk memastikan aspek jati diri dan identiti nasional dapat diperkuatkan dalam kalangan masyarakat. Ia perlu bermula dari peringkat rumah, sekolah, universiti dan akhirnya dimantapkan dalam persekitaran hidup masyarakat yang sayangkan negara. Tempoh 30 tahun bukan terlalu lama, oleh itu persiapan ke arah memperkuuh elemen ini perlu terus diperkaskan.

Satu lagi aspek penting ialah tahap perpaduan nasional. Tidak perlu kita bercakap mengenai sebarang misi, impian mahupun harapan andai tahap perpaduan antara kaum masih umpama senipis kulit bawang. Perlu diingat perpaduan mampu menjadi wadah penting yang melakar kemerdekaan negara ini seterusnya mencorak gaya hidup masyarakat majmuk negara sekian lama. Jadi jambatan perpaduan kukuh yang dibina, dijaga dan diwariskan kepada kita oleh pejuang dan bapa kemerdekaan wajib dipelihara dan dipertahankan tanpa sebarang kompromi.

Kita khawatir generasi muda hari ini gagal untuk memahami nilai, kepentingan dan erti sebenar sebuah perpaduan. Bukti pada hari ini dengan sedikit provokasi kita dapat lihat betapa masyarakat sangat sensitif dan terlalu mudah untuk bertindak mengikut emosi dan perasaan. Malah ramai juga yang semakin ‘gatal tangan’ mengusik isu sensitif seperti soal agama, bangsa, bahasa dan hak sehingga mencetuskan konflik serta ketegangan kaum dalam masyarakat. Ini persekitaran yang tidak sihat dalam masyarakat majmuk di negara ini. Jadi tindak-tanduk seperti ini perlu dihentikan dengan segera sebelum ia menjadi semakin parah atau menjadi virus yang sukar dikawal kelak.

Aspirasi TN50 adalah impian murum seluruh rakyat Malaysia yang bakal memeta hala tuju masa depan negara ini. Jadi marilah kita mengetepikan segala perbezaan ideologi, pandangan dan perbezaan sebaliknya mengukuhkan identiti nasional dan perpaduan antara kaum supaya kita dapat sama-sama berganding bahu menjadikan impian ini sebagai satu kenyataan.

**Penulis Timbalan Pendaftar,
Fakulti Kejuruteraan Universiti
Putra Malaysia**

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

